

Mahathir mahu rakyat tolak Pas sepenuhnya

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 15 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat supaya menolak sama sekali Pas kerana ia bukan sebuah parti yang memperjuangkan Islam sebaliknya menggunakan agama Islam bagi mencapai cita-cita politik.

Perdana Menteri berkata, parti itu sanggup memeralatkan Islam untuk tujuan politik mereka sedangkan ajaran Islam tidak diamalkan seperti yang sepatutnya.

“Apa yang lebih dahsyat, mereka (ahli-ahli Pas) arif dalam bidang agama tetapi sanggup menyalahgunakan agama serta membuat pelbagai tafsiran yang tidak betul,” katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan kepada lebih 5,000 pemimpin UMNO bahagian pada majlis penerangan perdana anjuran parti itu di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menarik perhatian, Pas akan melupakan apa sahaja asalkan mereka mendapat peluang politik.

“Pas pentingkan politik daripada agama tanpa mempedulikan sama sekali tentang agama Islam

dan ini tercatat dalam sejarah penubuhannya,” katanya.

Dr. Mahathir menyeru rakyat dan ahli UMNO supaya menerima hakikat bahawa parti itulah yang sebenarnya memperjuangkan Islam.

“Kita harus menyingkirkan perasaan kurang yakin perjuangan UMNO terhadap agama. Bahkan ada orang-orang UMNO kurang yakin dengan penyelesaian berhubung agama yang datang daripada orang UMNO,” katanya.

Dakwaan

Oleh itu, beliau menggesa rakyat supaya jangan sesekali menerima dakwaan Pas bahawa Pas itu Islam dan Islam itu Pas.

“Jangan sesekali menerima dakwaan mereka bahawa Pas itu parti Allah seperti yang terdapat dalam poster Pas yang terpasang di Kampung Kerinchi yang menyebut, “Kami menyokong parti Allah.”

“Ini menunjukkan betapa Pas tidak layak menggunakan perkataan Islam untuk parti itu,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, di dalam perlembagaan UMNO sudah jelas menunjukkan bahawa parti itu memperjuangkan agama Islam.

Katanya, kejayaan UMNO memperjuangkan Islam terbukti apabila banyak pemimpin Islam datang ke negara ini untuk mempelajari sistem pentadbiran Islam terutamanya sistem perbankan Islam.

“Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai tempat Islam dilaksanakan secara pragmatik. Orang Arab, India, Pakistan yang datang ke sini menyentuh tentang amalan Islam yang begitu baik di sini, tidak ada huru-hara berbanding dengan negara Islam yang lain,” katanya.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli UMNO harus lebih tegas lagi dalam menolak hujah-hujah Pas kerana Pas tidak berhujah seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

“Kita tidak menuduh Pas tidak Islam, kita tidak menuduh orang Pas tidak beragama Islam, hendak kata mereka kafir...bukan hak kita untuk berkata demikian, kecualilah jelas mereka berkata bahawa mereka bukan Islam dan tidak mahu mengucap lagi.

“Tetapi bagi Pas, dia tak segan-segan menuduh UMNO kafir dan oleh kerana hendak mendapat undi, memisahkan orang

■ Lihat muka 2

Mahathir mahu rakyat tolak Pas sepenuhnya

mereka dengan orang UMNO, sanggup mengadakan dua imam, perkuburan berasingan dan bermacam-macam perkara lain yang bertujuan memecah belah Islam dengan harapan dapat mengugut umat Islam menyokong politik mereka,” katanya.

Pas, kata Dr. Mahathir, pada suatu ketika sanggup menyertai Barisan Nasional (BN) demi kepentingan politik mereka walaupun menuduh UMNO sebagai kafir.

“Jika mereka percaya bahawa kita (UMNO) tidak Islam mereka tidak akan bekerjasama dengan kita, tetapi kerana kepentingan politik, Pas sanggup bekerjasama dengan UMNO dalam BN,” tegasnya.

Tegas Perdana Menteri, ini membuktikan betapa lemahnya pegangan Pas kepada perjuangan agama dan pegangan kuatnya pada perjuangan politik.

Beliau berkata, umat Islam harus menerima hakikat bahawa berdasarkan tingkah-laku Pas itu, jelas membuktikan ia bukanlah sebuah parti Islam.

“Sebenarnya di dunia ini tidak ada parti Islam, parti Islam hanya ada satu sahaja yang disertai oleh semua umat Islam di dunia ini; tidak ada sesiapa atau manamana parti yang boleh membolotkan Islam tetapi kalau setakat ideologi itu tidak mengapa,” katanya.